

UPHADYL FORTE EXPECTORANT

Diphenhydramine hydrochloride/Ammonium chloride/Trisodium Citrate/Menthol
(14mg/135mg/57.5mg/1.325mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan UPHADYL FORTE
2. Bagaimana UPHADYL FORTE berfungsi
3. Sebelum menggunakan UPHADYL FORTE
4. Cara menggunakan UPHADYL FORTE
5. Semasa menggunakan UPHADYL FORTE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan UPHADYL FORTE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan UPHADYL FORTE

Ubat ini digunakan untuk merawat:

- Batuk
- Masalah alahan seperti gatal-gatal, ruam kulit, bintik-bintik merah
- Selsema, hidung berair

Bagaimana UPHADYL FORTE berfungsi

UPHADYL FORTE mengandungi empat bahan aktif yang bekerjasama untuk melegakan batuk.

Diphenhydramine adalah antihistamina dan ia mengurangkan rasa ingin batuk dan juga mengeringkan rembesan dalam hidung dan dada.

Ammonium klorida merupakan ekspektoran yang menjadikan kahak lebih mudah dibatuk keluar. Sodium citrate adalah

mukolitik, suatu agen yang mencairkan kahak.

Mentol merupakan dekongestan yang melegakan hidung tersumbat dan membantu pernafasan menjadi lebih mudah. Ia juga memberi kesan dingin di dalam mulut.

Sebelum menggunakan UPHADYL FORTE

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan mengambil ubat ini:
 - jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang bahan kandungan yang disenaraikan pada hujung risalah ini.
 - anda mengambil ubat yang dikenali sebagai perencat monoamine oxidase (MAOIs) (diambil untuk merawat kemurungan).
 - Jika anak anda dibawah 2 tahun

Jangan mengambil UPHADYL FORTE selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salah guna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula mengambil UPHADYL FORTE

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Jika anak anda berusia diantara 2-6 tahun, sila dapatkan

nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan UPHADYL FORTE boleh bertindak balas antara satu sama lain contohnya alkohol, barbiturat dan hipnosis.

Cara menggunakan UPHADYL FORTE

Patuhilah semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak berumur 2 tahun dan ke atas: 2.5ml to 5ml tiga atau empat kali sehari

Dewasa: 5ml to 10ml three or four times daily

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil UPHADYL FORTE selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil UPHADYL FORTE, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan UPHADYL FORTE

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti. Goncang sebelum setiap dos.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil UPHADYL FORTE untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana UPHADYL FORTE mempengaruhi anda.

UPHADYL FORTE mungkin menyebabkan rasa mengantuk dan pening di kalangan sesetengah orang. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap UPHADYL FORTE sebelum anda memandu kereta atau melakukan apa-apa yang boleh membahayakan jika anda terjejas.

Elakkan pengambilan alkohol. UPHADYL FORTE akan meningkatkan kesan alkohol.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami

sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Berikut adalah contoh-contoh kesan sampingan Uphadyl Forte:

- Rasa mengantuk
- Sakit kepala
- Penglihatan kabur

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan UPHADYL FORTE

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam botol asalnya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada botol asalnya, ia mungkin tidak dapat dikenalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan UPHADYL FORTE atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- **Pelupusan**

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil UPHADYL FORTE atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**

UPHADYL FORTE
EXPECTORANT

- Sirap ekspektoran berwarna perang, berperisa rasberi.

- **Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

- *Diphenhydramine Hydrochloride*
- *Ammonium Chloride*
- *Trisodium Citrate*
- *Menthol*

Bahan tidak aktif:

- Gula
- Kloroform
- Kloroform spirit
- Cecair glukosa
- Cecair karamel
- *Methyl paraben*
- *Propyl paraben*
- *Saccharin sodium*
- Perisa rasberi

- **Nombor MAL**

MAL19871719A

Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL
MFG (M) SDN BHD (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate
B43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

UPHA PHARMACEUTICAL
MFG (M) SDN BHD (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RIMUP

19/01/2016

Nombor Siri
BPFK(R4/1)120116/00009